



**NOTIS SEBUT HARGA  
PERBADANAN PUTRAJAYA  
No. Sebut Harga : PPJ/SH(S)/JL/26/2024**

Tajuk Sebut Harga:

**KERJA-KERJA FLORIKULTUR DI KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA,  
PRESINT 3, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA BAGI TEMPOH TIGA (3)  
TAHUN**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan mempunyai **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dan **Sijil Taraf Bumiputera (STB)**, beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor** sahaja di dalam **Gred G3: Kategori B Pengkhususan B09 (Landskap Dalam Bangunan)** dan masih dibenarkan untuk menyertai sebut harga ini.
2. Taklimat sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** dan akan diadakan pada **2 Mei 2024 (Khamis)**, **JAM 9.30 PAGI** di **Bilik Mesyuarat Dahlia, Aras D5, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya**. Kehadiran pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama **Sijil PPK, SPKK dan STB** berserta **Cap Syarikat**.
3. Dokumen sebut harga hanya boleh dibeli bermula **2 MEI 2024 (KHAMIS)** hingga **7 MEI 2024 (SELASA)** oleh wakil syarikat yang sah sahaja dengan bayaran secara tunai **RM50.00** di **Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya**.
4. Wakil syarikat juga hendaklah membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK dan **satu (1) Salinan Sijil PPK, SPKK dan STB** bagi urusan pembelian dokumen.
5. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada alamat seperti yang tertera di atas sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **10 MEI 2024 (JUMAAT)**.
6. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung notis sebut harga ini, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan, Perbadanan Putrajaya di talian **03-8887 7708** atau e-mel ke alamat [spp@ppj.gov.my](mailto:spp@ppj.gov.my)
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppi.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

**(LAr.HASLINDA BINTI KHALID)**

Naib Presiden  
Jabatan Landskap dan Taman  
Perbadanan Putrajaya